

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan pihak Kementerian dalam usaha menambah baik rangkaian pengangkutan awam dalam bandar Taiping dan pekan-pekan kecil di persekitaran.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan pengangkutan awam di Taiping ketika ini merangkumi perkhidmatan bas berhenti-henti iaitu sebanyak 12 laluan, perkhidmatan bas ekspres oleh 47 pengendali, perkhidmatan kereta sewa serta perkhidmatan e-hailing. Di bawah program *Interim Stage Bus Support Fund (ISBSF)*, kerajaan telah membelanjakan purata sebanyak RM 2.4 juta setahun sejak 2012 bagi menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti yang menghubungkan Taiping ke daerah/mukim sekitar seperti ke daerah/mukim Selama, Lumut, Batu Kurau, Simpang Ampat, Kuala Kangsar, Pantai Remis, Beruas, Kuala Sepetang dan Padang Gajah.

2. Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam (APAD) sentiasa memantau keberkesanan operasi perkhidmatan pengangkutan awam di seluruh negara termasuk di Taiping bagi memastikan penambahbaikan perkhidmatan dilaksanakan dari semasa ke semasa termasuk penyusunan semula rangkaian bas henti-henti, kelulusan baru perkhidmatan bas ekspres ke/dari Taiping serta kerjasama APAD bersama pihak Majlis untuk cadangan kerja-kerja penaiktarafan terminal Kemunting. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan murid yang gagal meneruskan pendidikan persekolahan rendah dan menengah masing-masing mengikut darjah dan tingkatan untuk 5 tahun kebelakangan ini dan nyatakan punca-punca utama yang mendorong kegagalan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Statistik menunjukkan trend murid cicir peringkat rendah adalah semakin menurun daripada 0.36 peratus pada tahun 2016 kepada 0.12 peratus pada tahun 2019. Peratus murid cicir sekolah menengah turut menunjukkan trend menurun iaitu 1.50 peratus pada tahun 2016 kepada 1.14 peratus pada tahun 2019.

Antara faktor utama yang menyebabkan murid cicir di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah adalah disebabkan oleh kemiskinan, perceraian ibu bapa, masalah disiplin, tidak berminat untuk belajar, kurang kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak dan gejala sosial. KPM telah menjalankan pelbagai aktiviti program dan bantuan bagi mengurangkan kadar keciciran murid di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah seperti berikut:

NO. SOALAN: 467

- a. Menyedia bantuan asas murid seperti Bantuan Awal Persekolah, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Pinjaman Buku Teks, dan Program Susu Sekolah;
- b. Memberi bantuan biasiswa atau bantuan kewangan kepada murid-murid yang layak seperti Biasiswa Kecil Persekutuan dan sumbangan kewangan melalui Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM);
- c. Menyediakan khidmat guru kaunselor dan guru pemulihan bagi murid-murid yang mempunyai masalah disiplin dan murid-murid yang sering tidak hadir ke sekolah;
- d. Menyediakan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) dan pembinaan asrama sekolah supaya semua kanak-kanak dapat kekal bersekolah bagi murid di kawasan pedalaman dan luar bandar.

KPM juga telah menyediakan satu garis panduan bagi membantu murid-murid yang berisiko untuk cicir iaitu Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC). GPMBC telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2018 ke semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pemantauan serta intervensi pihak sekolah dapat dijalankan kepada murid berisiko cicir agar mereka kekal bersekolah hingga tamat Tingkatan 5. GPMBC ini juga mempunyai objektif bagi memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.

Program Sifar Murid Cicir (PSMC) telah dijalankan di semua PPD. Objektif program ini memberi intervensi berfokus bagi membantu murid cicir untuk kembali bersekolah. Dapatan PSMC tahun 2019 menunjukkan bahawa program ini berjaya mengembalikan 1,666 orang murid peringkat sekolah rendah dan 2,703 orang murid peringkat sekolah menengah meneruskan persekolahan mereka.

NO. SOALAN: 467

Selain daripada itu, KPM juga melaksanakan Program Ziarah Cakna yang berkonsepkan sekolah penyayang. Program ini bertujuan memperkukuh hubungan antara sekolah dengan ibu bapa/penjaga dalam meningkatkan kehadiran anak-anak mereka ke sekolah, seterusnya membantu menangani masalah ponteng sekolah. Antara aktiviti bawah program ini adalah amalan ziarah guru ke rumah murid dan bertemu dengan ibu bapa/penjaga bagi berkongsi perkembangan menyeluruh berkaitan murid, memahami latar belakang keluarga murid dan bertukar pandangan dalam mengenal pasti masalah ketidakhadiran murid ke sekolah.

Sekian.